

RIWAYAT HIDUP HANG TUAH (BT:156-157)

Isikan tempat kosong dengan jawapan yang betul.

Bendahara

kegemilangan

kesetiaan

Hang Kasturi

Laksamana Melaka

Tun Teja

jawatan

Hang Jebat

Maharaja China

Dang Merdu Wati

1. Hang Tuah berasal dari Kampung Sungai Duyung. Bapanya bernama Hang Mahmud dan ibunya bernama _____.
2. Beliau mempunyai empat orang sahabat karib iaitu Hang Jebat, Hang Lekir, Hang Lekiu dan _____.
3. Hang Tuah dilantik sebagai _____. Empat orang sahabatnya pula dilantik sebagai hulubalang.
4. Hang Tuah berjaya melihat wajah _____ yang tidak boleh ditatap oleh sesiapa pun.
5. Hang Tuah berjaya memujuk _____ untuk berkahwin dengan Sultan Melaka.
6. Hang Tuah difitnah dan dijatuhi hukuman bunuh oleh Sultan Melaka. _____ menyelamatkan Hang Tuah.
7. _____ mengamuk kerana mahu menuntut bela kematian Hang Tuah.
8. Hang Tuah menumpaskan Hang Jebat. Sumbangan beliau telah membawa kepada _____ Kesultanan Melayu Melaka.
9. Riwayat hidup Hang Tuah membuktikan bahawa status rakyat boleh berubah apabila diberikan _____ oleh Sultan.
10. Sifat Hang Tuah yang boleh dicontohi ialah _____.